



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# **SKIM LANTIKAN BAHARU GERAN PENYELIDIKAN 2022 - PEMBANTU PENYELIDIK**

[www.utm.my](http://www.utm.my)

innovative • entrepreneurial • global



univteknologimalaysia


utm\_my

utmofficial

# PROSES PERLANTIKAN RO/ARO/RA

Pendaftaran dalam sistem Jawatan kosong UTMHR (Bagi calon baharu shj)

<https://mohonjawatan.utm.my/lantikanRARO/>




Semakan / Pengesahan Permohonan oleh Unit Lantikan RMC / RM

<https://radis.utm.my>


Pendaftaran dalam sistem RADIS oleh ketua projek

<https://radis.utm.my>



Penyediaan ROC Perlantikan / Penyambungan

<https://utmhr.utm.my>



Semakan / Pengesahan ROC Lantikan pada tarikh yang ditetapkan

<https://utmhr.utm.my>

# AGENDA

1

**OBJEKTIF**

2

**SYARAT LANTIKAN**

3

**PERBINCANGAN**

- Mewujudkan skim yang **lebih fleksibel** dan boleh disesuaikan dengan peruntukan projek penyelidikan yang agak terhad bagi sebahagian besar geran penyelidikan.
- Menyelesaikan **masalah tempoh lantikan yang singkat** kerana peruntukan geran penyelidikan yang terhad.
- Membantu melancarkan pelaksanaan projek penyelidikan.

# SYARAT LANTIKAN

## 1. Nama Jawatan

- Pembantu Penyelidik (*Research Assistant/RA*)
- Lantikan ini tertakluk kepada garis panduan dana penyelidikan yang dibenarkan oleh penaja sahaja:
  - Pelantikan RA perlu dinyatakan dengan jelas dalam bajet di dalam kertas cadangan penyelidikan.
- Skala gaji adalah **RM1,352 – RM5,750/bulan +** (elaun bergantung kepada peruntukan atau keperluan projek dan perakuan Ketua Projek). Kadar elaun tidak boleh melebihi gaji pokok.
- Nama elaun (dalam sistem ROC) adalah **Elaun Khas Penyelidikan**

# SYARAT LANTIKAN

## 2. Jadual gaji

Lantikan	Kelayakan	Tangga Gaji (RM)
Pembantu Penyelidik (RA)	SPM	i. 1,352.00 - 2,706.00
	STPM/Diploma	ii. 1,493.00 - 3,327.00
	Ijazah Sarjana Muda	iii. 2,080.00 - 3,551.00
	Sarjana	iv. 2,330.00 - 5,118.00
	PhD	v. 2,370.00 - 5,750.00

**Nota :** Tangga gaji merujuk Indeks Jadual Gaji Minimum-Maksimum Perkhidmatan Awam Malaysia (Skim N Pegawai Penyelidik Sosial)

- Bajet bayaran gaji perlu mengambil kira peruntukan untuk potongan KWSP dan SOCSO bagi caruman majikan seperti berikut:
  - i. KWSP (potongan majikan) – 13% daripada gaji yang diterima
  - ii. SOCSO (potongan majikan) – berdasarkan kadar caruman yang ditetapkan (rujuk laman web [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my))

## 3. Kelayakan Akademik dan Kadar Gaji

- Minima kelayakan wajib calon adalah Sijil Pelajaran Malaysia. Kadar gaji lantikan ditentukan oleh Ketua Projek tertakluk kepada jadual tangga gaji, kecukupan peruntukan di V11000 dan kelulusan penaja.

## 4. Taraf dan Tempoh Perkhidmatan

- i. Taraf jawatan : Kontrak (Contract for Service)
- ii. Tarikh kuatkuasa : Mengikut tarikh lapor diri
- iii. Tempoh kontrak : **Minima 1 bulan**

Tempoh minima 1 bulan dibenarkan bagi geran-geran yang mempunyai jumlah atau baki peruntukan yang hanya mencukupi untuk menampung kadar gaji bagi 1 bulan dan geran mempunyai keperluan pelantikan untuk membantu pelaksanaan projek.

## 5. Skop Tugas

- Membantu tugas-tugas pengurusan geran dan menjalankan penyelidikan. Perincian skop tugas tertakluk kepada Ketua Projek.

## 6. Penempatan

Pegawai ditempatkan di Pusat Tanggungjawab di mana Ketua Projek ditempatkan.

## 7. Penetapan Masa bekerja

Jumlah jam bekerja adalah 8 jam sehari tidak termasuk waktu rehat selama lima hari dalam seminggu. Kehadiran bertugas perlu direkodkan dan dipantau oleh Ketua Projek.

## 8. Penilaian

Penilaian perlu dibuat bagi tujuan penyambungan lantikan

## 9. Cuti

Kadar cuti rehat adalah 12 hari setahun tidak termasuk cuti pelepasan am yang diambil oleh UTM. Kadar cuti mengikut kelayakan secara bulanan atau dikira secara pro rata.

## 10 Cuti Bersalin

Layak bagi Pegawai yang dilantik secara berterusan untuk tempoh melebihi 12 bulan sahaja dan mendapat kelulusan penaja. Pegawai mestilah telah bekerja dengan majikan untuk tempoh, atau jumlah keseluruhannya adalah Sembilan puluh (90) hari dalam tempoh 9 bulan sebelum bersalin. Tempoh cuti yang dibenarkan adalah selama enam puluh (60) hari dengan bergaji atau tidak bergaji:

### i) Bergaji

Jumlah gaji yang akan dibayar perlu dimasukkan dalam bajet dalam proposal yang diluluskan atau mendapat kelulusan pihak penaja.

### ii) Tidak bergaji

Sekiranya tidak dinyatakan dalam proposal asal dan tiada peruntukan untuk bayaran gaji semasa tempoh cuti bersalin.

## 11. Kemudahan Perubatan

Peruntukan bagi kos perubatan perlu dinyatakan dalam kertas cadangan projek penyelidikan dan diluluskan oleh penaja. Jumlah yang diperuntukan perlu dimasukkan dalam vot B29000. Jumlah tuntutan maksima setahun adalah sebanyak RM400.00. Kadar kelayakan kos perubatan dikira secara bulanan atau secara pro rata.

## 12. Lain-lain Kemudahan

Kemudahan	Penerangan
No. Pekerja	Disediakan
Ruang kerja	Disediakan oleh Ketua Projek dan mengikut penempatan Ketua Projek.
E-mel rasmi UTM	Disediakan (xxx@utm.my) – bagi staf yang <b>dilantik 6 bulan</b> dan ke atas
Akses ICT - Network	Disediakan - Berdasarkan tempoh kontrak
Pelekat Kenderaan	Pegawai dikehendaki membeli pelekat kenderaan (pelekat pelawat/pass pekerja) di Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar

## **SYARAT LANTIKAN**

### **13. Tatatertib**

Dalam tempoh kontrak lantikan, pegawai adalah setiap masa tertakluk oleh Akta 605 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Peraturan-Peraturan Kewangan, Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan dan Undang-Undang yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

### **14. Ganjaran**

Tiada ganjaran kontrak diberikan.

### **15. Penamatkan Kontrak**

Pihak Universiti melalui RMC berdasarkan permohonan dari Ketua Projek dan pihak Pegawai boleh menamatkan perkhidmatan kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi tiga puluh (30) hari notis

### **16. Pelantikan Semula/Penyambungan Lantikan**

Pelantikan semula/penyambungan lantikan Pegawai mengikut keperluan geran penyelidikan tertakluk kepada kecukupan peruntukan di V11000 dan hasil penilaian prestasi lantikan yang dibuat oleh Ketua Projek.